

SULIT

1249/2

NAMA PELAJAR

NO. KAD PENGENALAN

						-					
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

LOGO SEKOLAH

NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2016

TINGKATAN 5

SEJARAH

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.
6. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

1. Peta berikut menunjukkan lokasi pembentukan tamadun Hwang Ho.



(a) Namakan Sungai X

.....
[1 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah sumbangan penting tamadun Hwang Ho dalam bidang pertanian?

.....
.....
.....
[3 markah]

(c) Nyatakan usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kemajuan pertanian di negara kita.

.....
.....
.....
[3 markah]

- (d) Jelaskan iktibar yang boleh dicontohi daripada kegemilangan tamadun Hwang Ho.

.....

.....

.....

[3 *markah*]

2. Kewibawaan Nabi Muhammad SAW sebagai tokoh pemimpin yang unggul terbukti sebelum baginda dilantik menjadi rasul.

(a) Senaraikan **dua** sifat terpuji bagi Nabi Muhammad SAW.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Mengapakah Nabi Muhammad SAW digelar al-Amin?

.....

.....

[2 markah]

(c) Sifat terpuji yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW dapat membentuk individu cemerlang ke arah kemajuan negara.
Beri penjelasan anda.

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Kewibawaan pemimpin akan membawa kejayaan kepada sesebuah negara.
Huraikan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

[3 markah]

3. Maklumat berikut merujuk kepada penjajahan bentuk baharu.

Rakyat perlu berwaspada dengan cabaran pasaran bebas, globalisasi dan penjajahan bentuk baharu. Sektor perbankan kini dimiliki sebanyak 40% oleh kuasa asing. Golongan kapitalis besar barat yang mengeksploitasikan kuasa pasaran untuk menjajah ekonomi negara-negara membangun. Zaman transisi digital telah memperlihatkan peralihan kuasa mutlak bukan sahaja kepada kapitalis besar malahan media barat yang serba canggih

Sumber: Dato' Dr.Siti Zaharah Sulaiman: Utusan Melayu : 19 Jun 1998

- (a) Bagaimanakah penjajahan bentuk baharu merebak di negara kita?

.....

[2 markah]

- (b) Ramalkan kesan yang akan terjadi sekiranya penjajahan bentuk baharu tidak diatasi.

.....

[4 markah]

- (c) Sebagai warga yang patriotik, apakah peranan anda bagi menghalang penjajahan bentuk baharu di negara kita?

.....

[4 markah]

4. Tindakan Raja terakhir Sarawak, Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British telah menimbulkan pelbagai reaksi.

(a) Mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan tersebut?

.....
.....

[2 markah]

(b) Nyatakan tindakan penduduk tempatan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.

.....
.....

[2 markah]

(c) Sebahagian nasionalis berpendapat bahawa tindakan penduduk Sarawak menentang penyerahan ini dianggap sebagai wajar. Berikan hujah anda.

.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Pelbagai tindakan boleh dilakukan bagi memastikan gerakan anti penyerahan di Sarawak berjaya. Jelaskan.

.....
.....
.....

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5. Setelah wujud perhubungan dengan kerajaan India, kehidupan masyarakat di Asia Tenggara telah dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha.
- (a) Nyatakan cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara. [4 markah]
 - (b) Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal di Asia Tenggara. [6 markah]
 - (c) (i) Sistem beraja di negara kita perlu dipertahankan. Berikan alasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [6 markah]
 - (ii) Sebagai warganegara yang patriotik, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh generasi muda bagi menghormati institusi beraja di negara kita?. [4 markah]
6. Kerajaan Bani Abbasiyah yang diasaskan pada tahun 750 Masihi telah memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu kepada peradaban dunia Islam dan Barat.
- (a) Bagaimanakah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah? [4 markah]
 - (b) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang keilmuan. [6 markah]
 - (c) (i) Negara kita boleh menjadi pusat keilmuan utama dunia. Ulasakan. [6 markah]
 - (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu dilakukan untuk melahirkan masyarakat yang mencintai ilmu? [4 markah]

7. Renaissance yang mulanya tercetus di Itali telah bertanggungjawab mengubah rupa politik, ekonomi, dan sosial negara-negara di Eropah pada abad ke-15.

(a) Jelaskan sebab-sebab Renaissance bermula di Itali.

[6 markah]

(b) Berdasarkan Jadual berikut, mengapakah situasi sedemikian berlaku pada zaman Renaissance?.

Zaman Pertengahan Awal	Aspek	Zaman Renaissance
Menekankan aspek kehidupan luar bandar dan usaha merapatkan diri kepada Tuhan	Lukisan	Menekankan kepada perkara yang lebih serius dan perubahan dari segi warna
Menganggap dunia berbentuk rata dan matahari mengelilingi bumi	Sains	Menganggap bumi berbentuk sfera dan mengelilingi matahari
Masyarakat hidup secara kolektif	Gaya Kehidupan	Kehidupan masyarakat mula diresapi unsur individualistik
Menerima tanpa soal / Sifat taklid buta	Pemikiran Masyarakat	Melahirkan sikap kritikal dengan membanding daripada sumber lain

[8 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bolehkah sesebuah negara bangsa mencapai kemajuan yang tinggi tanpa mengalami proses Renaissance? Beri alasan anda mengikut fakta sejarah.

[6 markah]

8. Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

(a) Jelaskan faktor tercetusnya gerakan nasionalisme di Thailand:

(i) Nasionalisme tahap pertama

[4 markah]

(ii) Nasionalisme tahap kedua

[4 markah]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaan negaranya?

[6 markah]

(c) Kedaulatan sesebuah negara dapat dikekalkan dengan adanya rakyat yang bertanggungjawab.


Beri alasan anda.

[6 markah]

- 9 Pada awal abad ke-20, muncul persatuan-persatuan yang membincangkan pelbagai persoalan bangsa Melayu. Persoalan itu tertumpu kepada isu ekonomi, pendidikan, bahasa, sastera, perpaduan dan pembelaan politik bangsa.

- (a) Jelaskan perkembangan persatuan-persatuan Melayu berikut:
- (i) Kesatuan Melayu Singapura (KMS) [4 markah]
- (ii) Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) [4 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang telah dilakukan oleh persatuan-persatuan Melayu bagi memupuk semangat kebangsaan di negara kita? [6 markah]
- (c) Penyertaan dalam persatuan atau kelab di sekolah dapat memberi pendedahan kepada pemimpin generasi masa depan. Jelaskan pernyataan tersebut. [6 markah]

- 10 Rajah berikut merujuk kepada sistem pentadbiran Kerajaan Johor dan Terengganu pada abad ke- 19.



- (a) Jelaskan empat ciri dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ? [6 markah]
- (b) Nyatakan isi kandungan yang terdapat di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu. [6 markah]
- (c) Berdasarkan pemerhatian anda, apakah kepentingan melaksanakan undang-undang bertulis? [8 markah]

- 11 Maklumat Sumber 1 dan Sumber 2 berkaitan dengan Malayan Union yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1946.

Kebangkitan orang-orang Melayu menentang Malayan Union merupakan peristiwa terpenting dalam nasionalisme orang-orang Melayu.

~ Dato' Onn Jaafar

Sumber 1

Ciri-ciri Malayan Union

- Negara kesatuan
- Kerakyatan jus soli
- Kedudukan Raja-Raja

Sumber 2

- (a) Jelaskan faktor-faktor British ingin memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu. [6 markah]
- (b) Berdasarkan maklumat dalam Sumber 1, beri komentar anda tentang pernyataan tersebut. [6 markah]
- (c) Berdasarkan penelitian anda terhadap Sumber 2, mengapakah orang-orang Melayu menentang rancangan Malayan Union? [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT